

A. SAMAD SAID

PROSES
PENCiptaan

Antara *Salina* dan *Hujan Pagi* Pengalaman dan Proses Penciptaan

Oleh A. Samad Said



A. Samad: Pengalaman menulis sesebuah novel tidak selalunya sama ...

Berbeza pula dengan latar suasana dalam dekad 1980-an ketika saya menulis *Hujan Pagi*. Dunia novel Melayu moden sudah mencapai kemajuan yang luar biasa. Unsur absurdisme (yang oleh setengah-setengah pengkaji sastera dipanggil unsur *avant-garde*) telah mula membekas tidak saja dalam novel, malah dalam drama.

PENGALAMAN menulis sesebuah novel tidak selalunya sama. Setidak-tidaknya begitulah yang saya alami setelah menulis genre ini dalam empat dekad. Malah, setiap kali menulisnya – ada kalanya – saya merasakan seolah-olah baru belajar menulis novel. Terkadang-kadang ia memakan masa beberapa hari sebelum perenggan pertama (yang sesuai) dapat dibina. Pernah juga berlaku saya terpaksa “membiarkannya dulu seminggu dua” sebelum memulakannya semula.

Sengaja saya memberitahu pengalaman ini untuk membayangkan bahawa menulis karya sastera bukanlah mudah. Tetapi, daripada beberapa buah novel yang telah tercipta, terbayang juga bahawa tidaklah mustahil novel dicipta. Saya ingin merakamkan dua pengalaman “berbeza” saya sewaktu menulis dua buah novel dalam dua dekad yang berasingan. Dua dekad ini membayangkan dua latar (perbezaan) pengalaman dan pengetahuan yang banyak mempengaruhi penciptaan novel-novel tersebut.

Salina tercipta dalam dekad 1950-an, sementara *Hujan Pagi* tercipta dalam dekad 1980-an. Perbezaan paling jelas, dengan demikian, ialah saya sedang berada dalam dekad dunia novel Melayu moden “baru tumbuh”. (ASAS 50 baru berupaya “menekankan” suara dan langgam baru dalam dunia sastera Melayu moden.) Dan perbezaan satu lagi ialah saya masih terlalu baru dalam dunia sastera itu sendiri. Dua faktor penting ini saja sudah “menghalang” saya untuk mencipta novel dengan mudah.

Berbeza pula dengan latar suasana dalam dekad 1980-an ketika saya menulis *Hujan Pagi*. Dunia novel Melayu moden sudah mencapai kemajuan yang luar biasa. Unsur absurdisme (yang oleh setengah-setengah pengkaji sastera dipanggil unsur *avant-garde*) telah mula membekas tidak saja dalam novel, malah dalam drama. Dan, di samping itu, tentu pula khazanah pengalaman dan pengetahuan saya sendiri semakin bertambah. (Dan ini tidak pula termasuk perbezaan latar suasana – atau peristiwa – baru dalam dekad 1980-an itu sendiri.)

Dengan latar atau “kelebihan” ini tidak mustahil “disangkakan” bahawa menulis novel menjadi sedikit mudah. Adakah ini benar?

Blar apa pun persediaan atau latarnya, saya kira, faktor pengalaman itu yang sentiasa “menentukan”. Dan, pengalaman di sini tidak saja saya ertikan dengan “hal-hal yang telah dialami”, juga dengan berapa lama “hal-hal” tersebut dihayati. Dalam jangka masa yang panjang seseorang boleh mengalami “hal-hal” yang sesedikitnya; sementara dalam jangka masa yang pendek, ada orang yang mengalami “hal-hal” yang demikian banyaknya.

Saya susuri dulu pengalaman menulis *Salina* yang anehnya, memakan masa lebih kurang dua bulan saja (dari awal hingga akhir, termasuk kerja menyuntingnya!) Pertama, saya memang terlalu “baru” dalam dunia novel – khususnya mencipta novel. Tidak ada pengalaman langsung tentangnya, kecuali pengalaman menulis cerpen (itu pun baru beberapa buah). Betapa pun, saya sudah mula banyak membaca, malah “mengunyah” novel daripada karya atau ciptaan pengarang-pengarang besar – kebanyakannya dari Barat. Dari Britain, saya telah pun terbiasa dengan karya-karya Charles Dickens dan Jane Austen atau George Eliot, sementara dari Amerika saya telah pun terbiasa dengan karya-karya John Steinbeck, Ernest Hemingway, atau Erskine Caldwell. Sedikit sebanyak saya juga sudah terbiasa dengan karya pengarang Kesatuan Soviet seperti Fyodor Dostoyevsky dan Anton Chekhov atau Maxim Gorky. Dan, dari sebelah Timur, saya mula “menikmati” karya-karya Ananta Toer dan Idrus.

Ketika mula bercita-cita menulis lagi saya terbayangkan novel yang berbeza daripada ciptaan Harun Aminur Rashid, Abdullah Sidek, atau Wijaya Mala. Saya fikir, novel Melayu perlu memasuki satu fasa yang lain – lebih mendekati karya-karya besar dunia. Maka itulah *reference* saya – ketika ingin mula menulis – berlegar di sekitar karya-karya Dickens, Steinbeck, Dostoyevsky ataupun, kalau ke Timur, mendekati karya Ananta Toer.

Berfikir atau bercita-cita mengenainya (atau sejauh itu) dengan menulisnya kemudian tentulah berbeza bebannya. Berfikir atau bercita-cita lebih ringan; menulisnya lebih berat. Tetapi, saya sudah pun bersedia memikul beban itu. Dan, ini hanya dimungkinkan dengan sentiasa bersandar semula kepada karya-karya besar yang telah saya "hayati" secara "kurang bersedia".

TETAPI, paling utama, rasa saya, ialah "bahan" itu sendiri. Dari manakah akan saya "perolehnya" jika tidak daripada pengalaman hidup sendiri. Walaupun saya mahu, saya tentunya tidak dapat "meminjam bahan" daripada novel-novel Steinbeck, Dostoyevsky, atau Ananta Toer. Realiti kehidupan negara mereka tentu saja "berlainan" daripada realiti kehidupan negara saya. Dan, saya akan hanya mampu – kalau benar-benar ingin – menterjemah kehidupan daripada bumi sendiri. Saya tidak akan "terdaya" – malah akan menjadi palsu dan "buat-buat" – meminjam realiti kehidupan orang. Maka, pertama-tama sekali saya tentukan ialah menyelongkar ke dalam kehidupan – atau pengalaman kehidupan yang pernah saya lalui sendiri. Yang terdekat – dan yang masih teringat baik – ialah pengalaman Perang Dunia Kedua, ketika saya masih berusia tujuh tahun, satu peringkat usia yang mudah "membekas".

Bom jatuh ketika kami berada di dalam kelas darjah satu. Kami tidak faham rasionalnya, kecuali mendengar guru-guru berbisik (ada yang menjerit) mengatakan Jepun sudah melanggar Singapura. Selepas itu, bom menjadi sesuatu yang biasa. Kekhawatiran dan ketakutan semakin bertambah, dan bagi kali pertama, saya diajar membaca ayat-ayat al-Quran secara penuh khu-syuk dan meminta.

Pengalaman dan penderitaan perang tentu saja paling sukar dilupakan. Bukan bangunan-bangunan saja yang runtuh atau cedera, manusianya lebih-lebih lagi. Orang tidak sekadar cacat anggota, malah ramai yang mati, terkadang-kadang, dirasakan, seperti tanpa sebab. Dan, kemudiannya, hampir tiga tahun lebih, jika bom tidak digugurkan, kami masih tetap menderita juga. Air minuman se-

makin hari semakin kotor; makanan semakin hari semakin berkurangan. Malah, pernah tiba suatu waktu, tidak ada makanan langsung.

Dalam kegetiran dan kegementaran seperti itulah saya sebagai anak mula melihat sendiri bagaimana manusia cepat berubah. Yang diyakini baik tiba-tiba saja memperlihatkan warna tabilanya yang lain. Yang disangkakan jahat tiba-tiba terbukti adalah manusia yang penuh insani. Dan, teman-teman selalu saja "timbul tenggelam", sama ada oleh bom, ataupun oleh desakan supaya berundur atau merayau ke tempat lain. Pendeknya, sebagai anak saya menjadi manusia yang sama sekali kurang mengerti. Serasa-rasa apa saja yang ada di hadapan mata tidak dapat diterima se-


rata-ratanya masih juga sukar dimer-ngeti oleh seorang anak darjah satu?

Proses atau rasionalisasi memilih "gambar-gambar" derita inilah yang mengambil masa yang agak lama. Tetapi, kerana perang begitu mendadak, dan kesannya masih tetap "terang" dan "membekas" ketika saya berusia 20-an, maka saya dapat "memanggil semula" gambar-gambar tertentu daripada pengalaman pahit itu. Daripada "gambar-gambar" ngeri itulah saya cuba menghidupkan satu "dunia pengalaman baru" berdasarkan "pengalaman lama yang tulen". Cuma, akhirnya, saya tidak memilih dunia "derita perang" itu secara langsung; saya memilih kesan dunia "derita perang" itu. (Hanya kemudian baru saya pilih dunia "derita perang" itu dalam *Sungai Mengalir Lesu*.)

Dengan khazanah pengalaman perang yang "membekas" itulah saya menarik apa saja yang perlu untuk direndal atau dibangunkan sekitar manusia khayalan yang saya "hidupkan". Manusia khayalan ini juga sebenarnya dibangunkan daripada bayangan manusia "real" yang pernah saya temui dalam kehidupan sehari-hari. Siti Salina tidak semesti manusia yang "real", tapi masih terlalu banyak Siti Salina dalam

kehidupan selepas zaman Perang Dunia Kedua itu. Abdul Fakar juga bukan manusia "real", tetapi manusia semirip itu memang begitu banyak dalam dunia mangsa perang. Barangkali hanya Hilmy yang sukar bersembunyi, kerana, saya tidak nafikan bahawa anak sekolah itu adalah bayangan diri saya sendiri. Sementara watak-watak lain adalah adunan atau buncuhan daripada manusia yang pernah ada dengan manusia yang muncul atau tumbuh dan tenggelam dalam imaginasi atau khayalan atau mungkin igauan harian saya.

SEBAB kesan Perang Dunia Kedua begitu dekat (berlalu hanya dalam satu dekad), maka senangnya saya merendakan jalur peristiwanya. Seingat saya, tidak ada perencanaan bertulis tertentu bagi rantalan peristiwa dalam *Salina*. Hampir kesemuanya tumbuh silih berganti atau berekoran ketika saya menulisnya. Cuma manipulasi teknik yang terkadang-kadang "meloncatkan"



Charles Dickens dan Dostoyevsky

bagai sesuatu yang hakiki. Malah, sering juga diri berasa kluatir kalaulah esok atau lusa ayah atau ibu akan tiba-tiba tiada. Kebimbangan dan ketakutan seperti inilah yang semakin hari semakin menjadikan saya anak yang "cepat dewasa", banyak bertanya dalam diri, dan meragukan masa depan (walaupun ketika itu saya belum begitu jelas "apa itu masa depan").

Tentu saja sebaik-baik *Salina* (yang ketika itu belum pun "berjudul") ingin ditulis, pengalaman perit dan penuh bimbang dalam zaman perang itulah yang berulang kali pergi-balik dalam kepala dan hati saya. Terlalu banyak kilatan gambar seperti ini sehingga, pada mulanya, menjadi sukar untuk dipilih. Adakah kekejaman perang itu yang ingin dipaparkan sepenuhnya sehingga yang akan terlihat di dalam novel *Salina* itu nanti adalah cebisan-cebisan keganasan manusia? Adakah perlu diangkat hanya sebahagian kedurjanaan itu dengan beberapa sisipan pengalaman lain yang

peristiwa-peristiwa itu kepada satu kedudukan yang "rahsia-merahsiakan". Saya masih ingat juga bagaimana selepas beberapa bab novel tersebut ditulis boleh dikatakan watak-wataknya menjadi hidup dan bergerak begitu jelas dalam khayalan dan diri saya. Malah, pada ketika-ketikanya, saya semacam terasa manusia ini hidup di sekeliling saya. Saking jelasnya manusia ini, maka aliran peristiwa yang menyerukupi mereka juga menjadi semakin mengalir.

Selalu sungguh hal "pengaliran" peristiwa dan "dunia real" watak-watak ini ditanyakan kepada saya. Dan, selalu benar saya tidak mempunyai jawapannya yang jelas, kerana jika ditanyakan bagaimana saya dapat mencipta sebuah novel hampir 500 muka dengan ber-puluh manusia dan kompleksiti peristiwa dalamnya dalam masa lebih kurang dua bulan, saya sendiri pun "terpesona". Saya kira, dalam detik-detik tertentu seseorang novelis dianugerahkan suatu "kelebihan" yang tidak dapat dihu-raitkannya sendiri.

Apakala *Hujan Pagi* muncul, saya sudah pun menulis selama lebih dua dekad. Lompatan "masa" ini tentu saja mengertikan bahawa saya sudah lebih banyak ilmu dan pengalaman. Dengan kelebihan ini saya tentunya dipercayai sudah lebih "dewasa" dan "cekap" menulis. *Hujan Pagi*, dengan demikian, diyakini lebih mudah ditangani. Aneh, ini tidak benar. Ada beberapa faktor "penghalangannya".

PERTAMA, masalah-masalah tanah air selepas merdeka terasa semakin beragam dan "sukar". Jika "mangsa-mangsa" tertentu ingin dipaparkan – seperti yang saya lakukan dalam *Salina* – ia tidak lagi serentak "hitam-putih". Sebab, kita tidak lagi berhadapan dengan penjajah; kita berhadapan dengan bangsa sendiri. Kita tidak lagi menceritakan tentang derita di bawah penjajahan Inggeris atau Jepun; kita terpaksa menceritakan tentang derita (dan bahagia) di bawah pemerintahan bangsa sendiri. Kita – sebagai penulis – menjadi lebih "peka", "bertimbang-timbang", "rasional", dan "Inglin adil, seadil-adilnya". Maknanya, kita boleh bermusuhan dengan penjajah sepenuhnya; kita perlu bertimbang-tim-

bang dengan bangsa sendiri.

Kedua, khazanah pengalaman sendiri semakin bertambah dan berenah. Pengalaman sedemikian tidak dengan mudah "melepaskan" saja sesuatu dengan tidak "merujuknya" kepada rencahan pengalaman yang sedia ada. Sumber khazanah pengalaman (yang banyak) ini menjadikan diri sedikit sukar untuk "memilih". Kita mudah menjadi "rambang".

Ketiga, "lompatan masa" selama lebih dua dekad itu telah turut mendewasakan kita dalam teknik penulisan. Saya telah banyak membaca dan menelaah teknik penulisan atau "keanekaragaman teknik" novel-novel baru. Dari absurditi Perancis kepada realisme magis Latin Amerika – ia adalah suatu perja-

tanya tentang setepat mana saya wajar memilih sesuatu pengalaman tertentu. Faktor ketiga pula menghadapkan saya kepada teknik yang sesuai atau serasi digunakan bagi satu tema tanah air yang realis dan mencabar.

SAYA memilih dunia akhbar bagi *Hujan Pagi*, kerana inilah dunia saya selama lebih tiga dekad. Saya bermula daripada pemberita dan mengalir serta memasuki beberapa jalur "metamorfosis" dunia tersebut sehingga bukan sekadar saya menjadi masak oleh jentera dan "semangat" persuratkhabaran, malah saya menjadi begitu masak dengan manusia dan masalah dunia tersebut. Dunia akhbar pula bukanlah tidak ada penyakitnya; malah du-

nia akhbar juga bukanlah pakar penyembuh masyarakat "sakit" yang sering dirakamkannya. Selain menjadi perakam dan "penasihat" (atau "penyembuh") masyarakat "sakit", dunia akhbar dengan wartawan-wartawannya juga sebenarnya turut "sakit".

Saya ingin meneliti sebahagian daripada penyakit wartawan dan dunianya itu dalam *Hujan Pagi*.

Penyakit dunia akhbar ini banyak dan berjenis, hampir selari dengan penyakit masyarakat umumnya. Lama

saya "memilih" atau "mengesan" penyakit tertentu untuk bahan novel saya. Akhirnya saya memilih "penyakit salah susup kuasa" dan manusia yang kesusupan kuasa itu.

Sejak mula (tentu saja ia bermula jauh sedekad sebelum saya memutuskan untuk menulisnya) saya berhati-hati memikirkan kembali beberapa peristiwa dan sudut yang perlu dihidupkan dalam *Hujan Pagi*. Inilah antara novel saya yang benar-benar dirancang secara sadar. Saya fikirkan "anak-anak masalah"nya dan saya fikirkan "tokoh-tokoh khayalan"nya (yang tentu saja sebahagiannya dibangunkan daripada tokoh-tokoh real. Kerja "memikir kembali" ini tidaklah mudah – dan mudah pula terlupa atau "dilupakan". Sebab itu, saya menggunakan sebanyak-banyak "kad indeks" (study cards?) untuk merakamkan setiap "peristiwa" dan "watak" yang saya yakin akan berguna.

Proses ini digandingkan dengan ke-



lanan yang jauh dan "mencabar". Sepanjang-panjang perjalanan itu saya sentiasa saja berhenti untuk "memahami", "menimbang", dan "memikirkan" gejala-gejala seni yang "berubah-ubah", dan sentiasa cuba mencari rasionalisasinya – khususnya "imbangan" antara teknik dan isi novel-novel tersebut.

Memang, setidak-tidaknya tiga faktor penting inilah yang "menghambat" saya ketika ingin mencipta novel baru selepas *Daerah Zeni*. Saya lama berfikir tentang "sikap yang perlu diambil dalam realiti baru"; lama berfikir tentang "bahagian khazanah pengalaman manakah yang perlu dihidupkan"; malah lama juga berfikir tentang "cara atau dengan teknik manakah karya itu harus dicerna – dibangunkan". Tidak mudah berfikir mengenalinya secara serentak. Faktor pertama bertanya tentang sejauh mana tanggungjawab atau "cinta" saya akan bangsa dan tanah air. Faktor kedua ber-

hati-hatian saya "memilih" dan "menolak" "watak-watak yang real". Saringan dan rasionalisasi ini berlanjut sehingga saya merasakan "watak-watak" yang akan lahir nanti adalah "watak-watak" ciptaan saya, walaupun tidak jarang "watak-watak" itu terbangun daripada bancuhan "watak real" yang sudah melalui beberapa "perubahan". Demikian juga kehati-hatian saya "memilih" beberapa "peristiwa real". Berlaku "bancuhan" melalui beberapa "perubahan" juga. Hanya rutin harian kerja wartawan itu (atau jentera besar yang menggerakkan dunia wartawan) saya "pelihara" bagi "menghidupkan" dunia tersebut. Dan, di sana sini, oleh keperluan *mysterious* atau "selindungan" saya mengadakan beberapa "lompatan". Segala gala ini saya rancang sesedap mungkin dengan menggunakan "kad indeks".

DENGAN beberapa "hambatan" dan "pengetahuan" baru ini tidak hairanlah jika proses menulis *Hujan Pagi* tidak sama sekali selancar menulis *Salina*. Draf yang pertama memakan masa tidak kurang enam bulan. Dan ini pun tidak dikerjakan semudah atau selicin mengerjakan manuskrip *Salina*.

Ada sebabnya mengapa hal ini berlaku ketika menulisnya. (Seperti saya akui awal lagi bahawa setiap kali menulis novel terasa seperti menulisnya bagi kali pertama). Saya terpaksa sentiasa "merujuk" semula kepada "urutan cerita" yang ingin saya tulis – tidak seperti sewaktu menulis *Salina*, segalanya seperti "mengalir" saja walaupun tanpa bantuan "kad indeks". Dan, tidak saja "peristiwa-peristiwa" yang ditulis itu kurang mengalir, "watak-watak" yang saya lukis juga sering benar "terganggu" kerana kesedaran untuk "mengelak" sebarang "ketepatan" akan manusia yang kebetulan mungkin ada.

Hambatan lain ialah kepekaan "masalah dunia akhbar" yang ingin ditimbulkan. Tidak dapat dielak bahawa di sana sini masalah itu hampir mirip kepada masalah kontemporari yang sedang berlaku. Saya harus berhati-hati supaya tidak berlaku masalah yang benar-benar sama (apa lagi kalau watak-watak yang terlibat di dalamnya kebe-

tulan pula benar-benar ada). Dan, tidaklah mudah untuk mengelak atau lari daripada masalah yang seakan-akan serupa itu. Kehati-hatian inilah yang amat banyak "melambatkan" proses mencipta *Hujan Pagi*. Memang ada kalanya saya terhenti sehari dua, mencari kewarasan atau logik fiksi yang ingin dirakamkan.

Tetapi, bagaimana jika "masalah yang dikemukakan" itu tidak dapat tidak akan mirip kepada "masalah kontemporari"? Di situlah sebenarnya pertimbangan saya untuk "lari" ke dunia "halusinasi". Tidak saja dunia "halusinasi" itu sesuatu yang wajar dan waras bagi "watak-watak fiksi" yang sedang sakit itu, malah, saya rasa, "halusinasi" itu juga sesuai

paksa dilalui, ketelitian yang begitu menuntut, teknik realisme magis yang bagi pertama kali diterapkan, menjadikan *Hujan Pagi* penuh sengsara bagi saya.

Demikianlah dua pengalaman "berbeza" saya sewaktu menulis dua buah novel dalam dua dekad yang berasingan. Ternyata bahawa dua latar (dan perbezaan) pengalaman dan pengetahuan mempengaruhi proses penciptaan novel-novel tersebut.

Terbukti bahawa *Salina* "agak mudah" dicipta oleh kerana saya mempunyai dua "kelebihan". Pertama, pengalaman perang (dan kesannya) yang datang seperti mengalir begitu saja. (Saya tidak mempunyai jawapan logik

mengapa dan bagaimana hal ini berlaku.) Kedua, ketidak-tahuan (atau kecekapan) pengetahuan tentang aneka liku teknik menulis mempermudah saya menulis mengikut "urutan peristiwa". (Juga kerana ketidak-tahuan itu memungkinkan saya bergerak tenang tanpa gangguan aneka teknik atau gaya yang sebenarnya ada.)

Kemudian terbukti bahawa *Hujan Pagi* "agak payah" dicipta kerana saya sudah pula mempunyai dua "kelebihan" yang sama sekali lain.

Pertama, kerana khazanah pengalaman sudah semakin banyak (dan mungkin kompleks) menjadikannya sukar untuk "dipilih". Dan kedua, ketahuan saya akan aneka liku teknik menulis mendorong saya untuk "mencubanya" sehingga semakin jauh semakin menyulitkan.

DARIPADA dua pengalaman itu, maka terbuktilah bahawa pengalaman dan pengetahuan "yang lebih" biasanya mendorong kita untuk memilih "kompleksiti" sesuai dengan naluri seni kita yang sedia menerima cabaran demi cabaran hidup (di sini melalui penciptaan novel). Betapapun, ada kalanya seseorang pengarang perlu berfikir sejenak dan bertanya apakah dia sengaja ingin "menunjuk-nunjuk" pengalaman atau ilmunya sehingga kisah hidup yang menjadi dunia novelnya itu menjadi "alat yang negatif". *DS*



Jane Austen dan Ananta Toer

bagi "tindak-tanduk" saya sendiri untuk "menyelesaikan" masalah sensitiviti semasa.

Melalui pengalaman saya dapati bahawa betapa "licin" pun diatasi masalah sensitiviti semasa itu pada "drafter pertama", ia masih tetap menuntut kehati-hatian ketika menyunting manuskrip awal itu berulang kali. Malah, bagi saya, kerja penyuntingan itulah sebenarnya "proses penciptaan" dalam bentuk puncaknya. Saya tidak pernah melakukannya sekali – paling sedikit tiga empat kali; biasanya lebih daripada lapan kali. Dan, *Hujan Pagi* memang melalui penyuntingan yang teliti berulang kali, malah pada peringkat dalam proses membukukannya sekalipun saya "mencuri-curi" jalan "menyuntingnya" lagi.

Setelah menulisnya, saya tidak bersedia memikirkan bagaimana saya dapat menulis *Hujan Pagi* jika diminta mengulanginya. Jerih perih yang ter-